

# Bukti kerajaan telus, Jaya Misi Nasional

**K**UALA LUMPUR: Pengumuman tender 880 projek pembangunan baru bernilai RM15 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) oleh Perdana Menteri semalam, adalah bukti kesungguhan kerajaan menjayakan Misi Nasional itu.

Selain itu, langkah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan butiran terperinci tender berkenaan juga disifatkan oleh pelbagai pihak sebagai bukti ketelusan pen-

tadbiran negara.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pengumuman itu adalah langkah yang tepat dan perlu disokong kerana ia menunjukkan komitmen serta kesungguhan kerajaan menjayakan agenda RMK-9.

"Kita berharap langkah melaksanakan tender ini tidak memakan masa yang panjang, kerana projek berkenaan perlu dijayakan segera," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai pengumuman yang dibuat Perdana Menteri berhubung tender bagi 880 projek pembangunan baru di bawah RMK-9 bernilai RM15 bilion

yang akan dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat.

Abdullah berkata, pengumuman itu ialah senarai awal yang dikeluarkan dan kerajaan akan mengumumkan butiran selanjutnya dari masa ke semasa, selepas mendapat perincian daripada kementerian terbabit.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jeffri, berkata tender itu akan membuka peluang kepada kontraktor seluruh negara khususnya Bumiputera untuk mendapat projek.

"Ia boleh dijadikan asas untuk kontraktor Melayu terus bertahan dalam industri pembinaan. Mereka perlu menggunakan peluang ini sebaiknya untuk memastikan tergolong dalam kelompok yang layak merebut tender berkenaan," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk Da-

vid Chua, berkata pihaknya menyambut baik pengumuman itu bagi memastikan projek yang dirancang sebelum ini dapat dilaksanakan segera.

"Walaupun selepas tawaran tender dibuat, masih ada beberapa tahap lagi yang perlu dilalui sebelum projek dapat dilaksanakan tetapi kami percaya ia dapat dijayakan secepat mungkin," katanya.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (ICCIM), P Maguntha, berkata tender itu selaras hasrat kerajaan memastikan semua projek dalam RMK-9 berjalan lancar sekali gus merancakkan pembangunan ekonomi negara.

"Kita berharap pengagihan tender projek yang ditawarkan kerajaan itu telus dan dibuat secara adil supaya manfaatnya dapat dinikmati pelbagai pihak tanpa ada sebarang diskriminasi atau kebocoran," katanya.